

Ahad, 3 Mei 2020 | 4:00pm

## COVID-19: Berita palsu, 255 kertas siasatan dibuka

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Suzalina Halid  
bhnews@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membuka 255 kertas siasatan berkaitan berita palsu COVID-19 sehingga semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 175 masih dalam siasatan manakala 26 kes didakwa di mahkamah dengan 11 diberikan notis amaran dan 15 mengaku bersalah.

"Sekali lagi kerajaan ingin mengingatkan orang ramai supaya tidak menyebarkan kandungan diragui kesahihannya, sebaliknya semaklah setiap berita di portal Sebenarnya.my.

"Mereka yang didapati memuat naik berita palsu akan dikenakan tindakan tegas oleh PDRM," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkenaan Pelaksanaan PKP di Putrajaya, hari ini.

Setakat semalam, katanya, sebanyak 73 operasi sanitasi membabitkan 24 zon merah dan kuning di sembilan negeri termasuk 31 operasi di Johor dan 10 di Sabah dilaksanakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Sehingga kini, operasi sanitasi merangkumi 2,847 bangunan kerajaan, 1,996 tempat awam, 2,160 pusat perniagaan, 1,524 kawasan perumahan

termasuk PPR (Projek Perumahan Rakyat) dan 309 pasar raya.

"Sejak 30 Mac lalu pula, sebanyak 5,142 operasi sanitasi termasuk di 62 zon kuning dan merah dilaksanakan serta 8,836 premis kerajaan, perniagaan dan kawasan awam sudah disanitasi," katanya.

Mengenai barangan keperluan asas, Ismail Sabri berkata, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat pemantauan harian 25 jenis bekalan di 1,013 pemeriksaan premis perniagaan termasuk 794 peruncit, 189 pemborong dan 30 pengilang.

"Secara keseluruhan, bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperoleh.

"Orang ramai dinasihatkan tidak bimbang dengan bekalan keperluan harian sepanjang Ramadan kerana ia dijamin cukup," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684689/covid-19-berita-palsu-255-kertas-siasatan-dibuka>